



Rujukan : UPE(S)12-9/3 Jld.16

Tarikh : 25 Zulhijjah 1427H
15 Januari 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

SURAT PEKELILING AM BIL. 1 TAHUN 2007

**SURAT PEKELILING MENGENAI KAWALAN SILING PERUNTUKAN
RANCANGAN PEMBANGUNAN LIMA TAHUN**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini adalah untuk menjelaskan kepada semua Kementerian, Jabatan-jabatan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan mengenai dasar kawalan siling Rancangan Pembangunan Lima Tahun (RPLT).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Siling untuk sesuatu RPLT ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan pelbagai faktor, termasuk keadaan ekonomi semasa dan unjuran hasil dan tahap kemampuan Kerajaan serta keperluan pembangunan negara.
- 2.2 Jumlah siling yang telah ditetapkan adalah jumlah maksimum yang boleh dibelanjakan dalam sesuatu tempoh RPLT. Berdasarkan siling keseluruhan itu, siling diagihkan kepada Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan bagi melaksanakan program/projek yang telah diluluskan.

3. ISU KEKURANGAN SILING

- 3.1 Isu kekurangan siling seringkali dibangkitkan dalam mesyuarat dan forum-forum lain oleh Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan.
- 3.2 Punca yang menyebabkan kekurangan siling ini berlaku antaranya, ialah kenaikan kos projek, perubahan skop projek dan pewujudan projek-projek baru.


4. CARA MENGATASI MASALAH KEKURANGAN SILING

- 4.1 Siling tidak boleh ditambah sewenang-wenangnya. Oleh itu, setiap Pegawai Pengawal perlu memastikan bahawa perbelanjaan yang dibuat oleh kementerian masing-masing hendaklah tidak melebihi siling RPLT yang telah diagihkan mengikut kementerian.
- 4.2 Setiap Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan yang mengalami kekurangan siling boleh membuat penyelarasan siling dengan mengambil beberapa langkah seperti berikut:
 - i. menyusun semula program/projek mengikut keutamaan masing-masing;
 - ii. menangguh/membatalkan pelaksanaan program/projek yang kurang penting dan mempunyai keutamaan yang rendah;
 - iii. mengurangkan skop program/projek; dan
 - iv. melaksanakan program/projek secara berfasa mengikut keperluan.
- 4.3 Penyelarasan siling ini perlu dilakukan melalui **penjimatan dalaman** daripada program/projek sedia ada yang diluluskan di bawah RPLT. Penyelarasan ini termasuk bagi pelaksanaan program/projek baru atas arahan Jemaah Menteri.
- 4.4 Pegawai Pengawal diingatkan bahawa **tiada penambahan siling** RPLT bagi program/projek baru dan oleh itu, penyelarasan yang dibuat hendaklah mengekalkan siling yang ditetapkan.
- 4.5 Cadangan penyelarasan siling hendaklah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan.

5. PENUTUP

- 5.1 Setiap Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun hendaklah mematuhi surat pekeliling ini. Kegagalan mematuhi arahan ini boleh menyebabkan tindakan surcaj dikenakan ke atas Pegawai Pengawal.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HASSAN)

Ketua Setiausaha Negara
selaku Pengerusi Jawatankuasa
Perancang Pembangunan Negara

JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA